

**MIKOROT DALAM KONTEKS KEBUDAYAAN
ETNIK DUSUN DI SABAH:
ANALISIS DARI PERSPEKTIF HUBUNGAN ETNIK**
*Mikorot in the Context of the Dusun Ethnic Culture in Sabah:
An Analysis from the Perspective of Ethnic Relations*

BUDI ANTO MOHD TAMRING

*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu.
budiantomt@yahoo.com*

Diterima: 9 Nov 2017 / Dibaiki: 20 Julai 2018

Abstrak Kebanyakan negara di dunia yang mempunyai komposisi etnik yang pelbagai sering kali berhadapan dengan situasi ketegangan etnik, isu kuasa politik etnik, persaingan etnik, malah ada yang memuncak dengan konflik fizikal yang lebih radikal sehingga menyebabkan kehilangan nyawa dan harta benda. Isu etnik sentiasa mewarnai hubungan antara masyarakat dan keadaan ini juga berlaku di Malaysia. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan hubungan antara etnik di Malaysia akan terus kekal harmoni sehingga kini. Usaha tersebut dilaksanakan melalui pelbagai program dan turut diterjemahkan dalam pelaksanaan dasar pendidikan negara. Menariknya, usaha kerajaan dalam memastikan hubungan etnik sentiasa harmoni bukanlah perkara yang baharu dan menghairankan dalam masyarakat Dusun di Sabah. Amalan cara hidup dan sikap toleransi yang tinggi dalam komuniti ini sudah berakar umbi sejak sekian lama. Salah satu amalan yang menunjukkan sikap keterbukaan mereka yang tinggi terhadap perbezaan etnik dan agama ialah amalan *mikorot*. Justeru, objektif artikel ini adalah untuk menjelaskan makna dan konsep *mikorot* dalam budaya masyarakat Dusun, menjelaskan ritual pelaksanaan *mikorot* dan yang terakhir mengetahui implikasi *mikorot* dan cabarannya dalam masyarakat. Hasil kajian yang diperoleh melalui kaedah kualitatif menggunakan temu bual mendapati *mikorot* adalah satu upacara yang dilaksanakan oleh etnik Dusun di Sabah sebagai cara untuk mengesahkan nilai kekeluargaan mereka terhadap individu yang bukan ahli keluarga mereka tanpa melibatkan perkahwinan atau hubungan biologi. Selain itu, amalan *mikorot* ini juga berjaya memupuk hubungan yang harmoni antara etnik Dusun dengan etnik Dusun yang lain dan antara etnik Dusun dengan masyarakat lain di negeri Sabah.

Kata kunci: *Mikorot*, *korot*, toleransi etnik, hubungan etnik.

Abstract Most countries in the world which consist of various ethnicities often face the situation of ethnic tension, ethnic political power issue, ethnic rivalry, or even more radical, physical conflicts that lead to loss of lives and properties. The issue of ethnicity has always colored of the relationship among members of the society, and this situation also occurs in Malaysia. Various efforts have been made by the government to ensure that ethnic relations in Malaysia continues to be harmonious. The efforts have been implemented through various programs and including the implementation of the Malaysian education policy. Interestingly, the government's efforts to ensure harmonious ethnic relations are not new within the Dusun community in Sabah. The practice of such lifestyle and tolerance in this community has been there since time immemorial. One of the practices that demonstrates their high openness towards ethnic and religious differences is mikorot. Hence, the objective of this paper is to explain the meanings and concepts of mikorot in the culture of the Dusun community, explaining the ritual implementation of mikorot and lastly, to know the implications of mikorot and its challenges in the society. The results obtained through a qualitative study using interviews found that mikorot is a ceremony performed by the Dusun ethnic in Sabah as a way of verifying their family values to individuals who are not members of their families without involving marriages or biological relationships. In addition, this mikorot practice has also fostered a harmonious relationship among the various Dusun ethnics, as well as between the Dusun ethnic with other societies in Sabah.

Keywords: Mikorot, korot, ethnic tolerance, ethnic relation.

PENGENALAN

Masyarakat Dusun yang dikelompokkan dalam rumpun Kadazandusun di negeri Sabah merupakan etnik peribumi yang kaya dengan nilai dan amalan tradisi kebudayaan yang masih dipertahankan sehingga kini. Etnik Dusun secara umumnya menetap secara berselerak di seluruh negeri Sabah tetapi kawasan petempatan utama mereka adalah di kawasan Telupid, Ranau, Kota Belud, Kudat, Kota Kinabalu, Papar, Keningau, Penampang, Beaufort, Tuaran, Kiulu dan Tamparuli. Kelompok etnik Dusun juga telah

dikategorikan mengikut subetnik berdasarkan tempat atau dialek bahasa mereka. Terdapat banyak subetnik Dusun antaranya ialah Liwan, Bundu, Tatana, Kimaragang, Tindal, Lotud, Tobilung dan banyak lagi.

Artikel ini akan menjelaskan salah satu nilai tradisi kebudayaan etnik Dusun yang masih diamalkan sehingga kini. Amalan tradisi tersebut dikenali sebagai ‘mikorot’. Penjelasan tentang *mikorot* dalam artikel ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada responden yang mempunyai pengetahuan tentang amalan ini. Terdapat beberapa orang responden kajian juga pernah terlibat dalam amalan *mikorot* ini dan masih meneruskan amalan tersebut sehingga kini. Menurut Abdul Naddin (2012), upacara *mikorot* sebenarnya tidak hanya diamalkan oleh etnik Dusun sahaja tetapi ada juga diamalkan dalam kalangan etnik-etnik lain di negeri Sabah. Cuma istilah yang digunakan dan pelaksanaannya berbeza dengan masyarakat Dusun.

Kajian-kajian lepas menunjukkan ritual berminum darah seperti *mikorot* bukanlah sesuatu amalan yang hanya dilakukan oleh orang Dusun sahaja, malah telah berlaku di negara-negara lain. Seseengah masyarakat memanggil ritual seperti ini sebagai *brotherhood* dan berlaku di negara Eropah mahupun negara Asia. Masyarakat Ambon di Indonesia memanggil ritual ini sebagai ‘pela’. Malah, amalan *pela* dalam masyarakat Ambon juga mempunyai persamaan dengan amalan ritual *mikorot* yang diamalkan oleh masyarakat Dusun di Sabah. Walaupun begitu, ia tidak sama secara keseluruhannya kerana amalan *pela* terdiri daripada beberapa jenis atau kategori pelaksanaan. Ada antara pelaksanaan *pela* memerlukan ritual berminum darah dan ada yang dilaksanakan tanpa ritual tersebut. *Pela* yang melibatkan ritual berminum darah akan memberi kesan kepada hubungan kekeluargaan yang bersifat jangka panjang. Amalan *pela* ini mengakibatkan kesan yang besar terhadap hubungan persaudaraan dan perkahwinan kerana masyarakat yang mengamalkan *pela* ini tidak dibenarkan berkahwin sesama mereka. Amalan *pela* dalam masyarakat Ambon di Indonesia ini telah ditulis oleh ramai pengkaji antaranya Frans Thomas (2010) dalam tulisannya “Wacana Tradisi Pela dalam Masyarakat Ambon” dan Nicola Frost (2014) dalam tulisannya bertajuk “Adat di Maluku: Nilai Baru atau Eksklusivisme Lama”.

David K. Jordan (2016) juga menjelaskan tentang ritual berminum darah dalam kajiannya yang bertajuk *Sworn Brothers: A Study in Chinese Ritual Kinship* dengan menggunakan istilah *brotherhood*. Ritual *brotherhood* ini dilakukan bertujuan untuk mengesahkan jalinan hubungan antara individu yang sudah terlalu rapat menjadi hubungan bersifat lebih rapat iaitu hubungan bersifat kekeluargaan antara mereka. Dalam masyarakat Cina yang dikaji David K. Jordan ini, pelaksanaan ritual berminum darah diterangkan melibatkan pesta atau keramaian. Pesta tersebut menghadirkan minuman *wine* dan melibatkan upacara bersumpah yang kebiasaannya dibuat di tokong. Beberapa individu atau kelompok yang bersetuju melakukan ritual tersebut akan mengeluarkan darah dari jari masing-masing. Darah tersebut akan dicampurkan dalam minuman beralkohol iaitu *wine* dan diminum bersama oleh semua yang terlibat melakukan sumpah. Setelah itu, peranan antara semua individu yang terlibat dengan sumpah tersebut adalah sama seperti adik-beradik walaupun tidak berkongsi darah secara genetik atau biologi. Pengiktirafan yang tinggi oleh masyarakat terhadap ritual ini menyebabkan ada antara individu dalam kalangan yang terlibat bersumpah telah menukar nama keluarga mereka untuk menyamakan nama keluarga sesama mereka.

Di sesetengah tempat pula upacara berminum darah juga dikenali sebagai *Blood Brother*. Selain di Asia, masyarakat di Eropah dan benua Amerika juga melaksanakan ritual berminum darah sebelum ini. Ada yang berminum darah dan ada yang menggunakan kaedah yang lain. Ada yang melakukan dalam satu majlis yang dikenali sebagai sumpah darah, iaitu pasangan yang akan melakukan sumpah darah ini akan membuat potongan kecil, biasanya pada jari, tangan atau lengan, dan kemudian luka kedua-dua potongan tersebut akan ditekan bersama-sama dan diikat. Idea itu bertujuan supaya darah setiap orang yang terlibat dalam sumpah tersebut akan mengalir dalam urat masing-masing. Masyarakat Scythians juga mengamalkan sumpah berminum darah pada suatu masa dahulu. Mereka menuangkan *wine* ke dalam mangkuk atau bekas yang besar dan mencampurkan darah yang diambil daripada badan mereka yang telah dcederakan oleh mereka sendiri. Selain itu, mereka juga memasukkan peralatan perang ke dalam mangkuk tersebut. Selepas itu, mereka akan berdoa bersama-sama dan membuat perjanjian. Setelah itu, mereka akan bersama-sama minum air *wine* yang bercampur darah tersebut.

Amalan ritual seperti *pela*, *brotherhood* dan *blood brother* seperti yang dinyatakan di atas pernah juga diamalkan dalam masyarakat di Sabah khususnya masyarakat Dusun tetapi dikenali sebagai *mikorot*. Malah, amalan ini masih lagi dipertahankan sehingga kini. Walaupun begitu, bilangan individu yang melakukan *mikorot* ini semakin sukar ditemui dan individu yang pernah melakukan *mikorot* juga kebanyakannya adalah generasi yang telah berusia lanjut ataupun tua. Bermakna, amalan *mikorot* ini tidak mendapat sambutan dalam kalangan generasi muda. Justeru, artikel ini akan menjelaskan tentang *mikorot* dan amalannya pada masa kini. Kajian-kajian lepas yang diterangkan di atas mempunyai persamaan dengan amalan *mikorot*, iaitu berminum darah tetapi pelaksanaan dan upacaranya mungkin berbeza. Informan yang terlibat sebagai sampel dalam kajian ini adalah dalam kalangan etnik Dusun yang berasal dari Mukim Tenghilan di Tamparuli dan berasal dari Kota Belud.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual untuk mendapatkan data daripada informan. Kaedah temu bual ini digunakan kerana ia merupakan kaedah yang paling sesuai untuk mendapatkan data berkaitan *mikorot* secara lebih mendalam daripada informan kajian. Selain itu, kaedah pemerhatian tidak dapat digunakan kerana sepanjang penyelidikan ini dibuat dan sehingga kini, tidak terdapat upacara atau ritual *mikorot* yang berlaku dalam kawasan kajian. Hal ini demikian kerana upacara *mikorot* bukanlah satu upacara yang popular dan kerap diamalkan oleh masyarakat Dusun pada masa kini. Temu bual yang dibuat adalah temu bual secara bersemuka dengan informan kajian dan ada juga informan yang ditemu bual menggunakan aplikasi telefon bimbit. Hasil temu bual daripada informan kajian telah ditranskripsikan dan dianalisis menggunakan pendekatan *thematic*, iaitu dengan mengelompokkan data temu bual tersebut berdasarkan tema-tema yang dibentuk dan tema tersebut adalah berkaitan dengan objektif penyelidikan yang telah digariskan.

Persampelan Kajian

Sampel dalam kajian ini yang dipilih adalah seramai lima orang. Pemilihan sampel ini adalah berdasarkan kaedah persampelan *snowball*. Kaedah ini kerana informan kajian terlalu sedikit dan sukar ditemui, bersesuaian dengan amalan *mikorot* yang bukan lagi menjadi amalan biasa atau popular dalam masyarakat pada masa kini.

Persampelan *snowball* adalah kaedah persampelan, iaitu responden akan mengenal pasti responden yang seterusnya dalam penyelidikan. Kaedah persampelan ini digunakan apabila responden dalam penyelidikan sukar untuk dikenal pasti atau diperolehi. Ia dikenali sebagai persampelan *snowball* kerana secara teorinya ia seumpama bola salji yang bergolek dan akan membesar sepanjang ia bergerak kerana mengumpul lebih banyak salji. Persampelan *snowball* terdiri daripada dua langkah. Pertama, mengenal pasti subjek yang berpotensi dalam populasi dan kebiasaannya hanya satu atau dua subjek sahaja pada permulaannya. Kedua, daripada subjek yang pertama atau permulaanlah penyelidik akan meminta subjek untuk mengenal pasti subjek yang lain (<http://www.statisticshowto.com/snowball-sampling/>).

Dalam kajian ini, informan pertama dan kedua merupakan pasangan suami isteri dan mereka dipilih sebagai informan kerana mereka adalah keturunan etnik Dusun dan menetap di Kampung Tenghilan iaitu kawasan kajian ini dibuat. Kawasan ini dipilih disebabkan terdapat beberapa orang penduduk kampung ini pada masa dahulu mengamalkan ritual *mikorot* atau berminum darah untuk menjalinkan hubungan kekeluargaan atau persaudaraan. Selain itu, penduduk Kampung Tenghilan ini juga sudah biasa mendengar tentang amalan *mikorot* khususnya golongan tua kerana amalan ini pernah dijalankan di kampung mereka. Walaupun informan pertama dan kedua ini tidak pernah terlibat dengan *mikorot* tetapi mereka mempunyai pengetahuan tentang amalan ini. Berdasarkan maklumat daripada informan pertama dan kedua inilah telah membawa pengkaji kepada informan seterusnya yang lebih berpengetahuan tentang amalan *mikorot* iaitu Francis Lamun. Seterusnya, maklumat daripada Francis Lamun telah membawa kepada penemuan informan lain iaitu James Joseph.

Francis Lamun merupakan penduduk di Kampung Tenghilan, manakala James Joseph menetap di Tamparuli tetapi kedua-dua mereka ini adalah berasal dari Kampung Tenghilan dan amat arif tentang ritual *mikorot*. Francis Lamun adalah pesara guru berumur 67 tahun dan pernah melakukan ritual berminum darah tetapi dalam konteks yang berbeza daripada *mikorot*. Walaupun berminum darah tetapi ritual berminum darah yang dilakukan oleh Francis Lamun bersama rakannya tidak sama dengan ritual *mikorot* kerana tujuannya mereka hanya untuk merapatkan hubungan antara rakan seguru silat. Bukannya untuk menjalinkan hubungan keluarga sebagaimana amalan *mikorot* sebenar. Responden James Joseph pula berumur 57 tahun dan bekerja sebagai guru besar di SK Pekan Tamparuli. Beliau pernah melakukan amalan *mikorot* pada tahun 80-an. Informan kelima iaitu Jupili Panchai pula adalah bekas rakan sekerja penyelidik dan beliau mempunyai pengetahuan tentang *mikorot* disebabkan datuk beliau pernah melakukan *mikorot* pada suatu masa dahulu.

Perspektif Teori

Mikorot dalam artikel ini dilihat mempunyai fungsi yang amat besar dalam sistem hubungan masyarakat Dusun dengan masyarakat lain dan juga dalam sistem kekeluargaan masyarakat Dusun. Penjelasan *mikorot* dalam artikel ini sudah tentunya berdasarkan perspektif teori fungsional, iaitu teori ini menjelaskan bahawa masyarakat dilihat terbentuk daripada elemen-elemen atau struktur yang mempunyai fungsi dan saling bergantung dalam masyarakat.

Teori fungsional diasaskan oleh Durkheim dan dikembangkan serta dipopularkan oleh ramai sarjana lain seperti Comte, Parson dan Merton. Teori fungsional mentafsirkan bahawa setiap bahagian masyarakat mempunyai fungsi dan menyumbang kepada kestabilan. Durkheim mengatakan, dalam masyarakat terdapat banyak komponen dan komponon-komponen ini adalah bahagian yang berlainan. Bahagian-bahagian yang berlainan ini mempunyai fungsi dan keperluan yang berbeza dan masing-masing memberi kesan dalam pembentukan masyarakat. Bermakna, setiap bahagian saling bergantung antara satu sama lain dalam masyarakat. Agama menyebarkan satu set kepercayaan yang telah terbukti menjadi salah satu sumber kestabilan terbesar dalam masyarakat (Margaret L. Andersen & Howard F. Taylor, 2004, p. 22).

Ahli fungsi struktur lebih memberikan penekanan bagaimana institusi memberikan sumbangan untuk memelihara perjalanan masyarakat. Tujuan pandangan ahli fungsi struktur ialah menggariskan keadaan dan kehendak kehidupan sosial, dan menggariskan untuk mencapai keperluannya. Contoh yang jelas, kalau sesebuah masyarakat hendak berkekalan, ia harus mencari anggota baharu dari semasa ke semasa. Famili adalah institusi yang bertindak untuk masyarakat supaya menjamin terlaksananya fungsi pembiakan, pengasuhan kanak-kanak, serta latihan asas tentang tingkah laku masyarakat di mana ia akan hidup. Analisis fungsi struktur juga harus terlibat dengan cara di mana struktur yang berlainan itu berkoordinasi dan berinteraksi untuk memelihara kesatuan masyarakat sebagai suatu sistem atau organisme yang sempurna (Alex Inkeles, 1982,p. 68).

Berdasarkan perspektif teori ini, jelas menunjukkan bahawa *mikorot* adalah adat yang penting dan mempunyai fungsi dalam budaya dan sistem kekeluargaan masyarakat Dusun. *Mikorot* dilihat sebagai satu kaedah untuk menstabilkan hubungan antara masyarakat Dusun dengan masyarakat Dusun dan masyarakat Dusun dengan masyarakat yang lain walaupun berbeza agama mahupun budaya. Ritual *mikorot* ini telah menyumbang kepada hubungan yang baik dalam masyarakat. Ahli masyarakat lain yang tidak terlibat dengan *mikorot* juga mempunyai peranan dengan mengiktiraf hubungan *mikorot* yang wujud. Masing-masing saling mengingatkan sesama mereka sekiranya ada pelanggaran adat antara keluarga yang bermikorot. Tindakan akan dikenakan mengikut undang-undang adat yang akan diputuskan oleh ketua kampung, sebagaimana yang menjadi kebiasaan dalam sistem adat masyarakat Dusun yang sudah menjadi norma dan berakar umbi sejak sekian lama.

MIKOROT DARI SEGI KONSEP, MAKNA DAN ASAL USUL

Mikorot adalah satu institusi yang penting bagi sesetengah kebudayaan masyarakat di Sabah. Amalan ini boleh menjadi satu indikator penting khususnya untuk memahami sudut pandangan masyarakat Sabah terhadap penerimaan mereka untuk menjalinkan hubungan dengan individu di luar dari keturunan mereka tanpa ikatan perkahwinan.

Upacara mengaku saudara ini terdapat dalam etnik-etnik lain di Sabah dengan nama upacara yang berbeza-beza. Ada yang melakukannya dengan memotong ayam, kambing kerbau atau apa sahaja jenis ternakan. Orang yang mengaku saudara itu pula memberikan cenderamata atau hadiah berupa gong dan sebagainya. Dalam masyarakat Iranun adat ini dipanggil *mingkeret* manakala di kalangan masyarakat Dusun Tindal, kalau tidak silap disebut minum daraha (Abdul Naddin, 2012, <http://abdunnaddin.blogspot.my>).

Kebiasaannya perkahwinan merupakan satu cara penerimaan tertinggi individu terhadap seseorang dalam peringkat perhubungan. Hal ini disebabkan perkahwinan juga akan menghasilkan zuriat yang membentuk keluarga untuk kelangsungan generasi ke generasi seterusnya atau dikenali sebagai pertalian darah (keturunan). Walaupun dalam masyarakat kita, penerimaan melalui perkahwinan merupakan penerimaan tertinggi bagi dua individu yang berbeza jantina tetapi ada juga negara di Eropah yang membenarkan amalan perkahwianan sesama jantina. Budaya masyarakat Malaysia yang dijadikan amalan dalam undang-undang perkahwianan hanya membenarkan perkahwinan antara dua individu yang berbeza jantina. Perkara ini sudah tentunya amat berkait rapat dengan nilai moral dan nilai agama masyarakat di Malaysia.

Menariknya, amalan *mikorot* yang dijelaskan dalam artikel ini bukan sahaja boleh dilakukan oleh dua individu yang berbeza jantina tetapi juga boleh dilakukan dengan individu yang mempunyai persamaan jantina. Hubungan *mikorot* dilihat sebagai satu usaha mewujudkan hubungan keluarga yang sah antara dua atau lebih individu melalui ritual budaya tanpa melibatkan proses biologi. Dalam konteks hubungan etnik, ia merupakan penerimaan yang tinggi melangkaui batas etnik dan keturunan dan menunjukkan satu indikator yang tinggi dalam toleransi etnik.

Toleransi secara umumnya merujuk kepada kesanggupan individu untuk menjalinkan hubungan dan tinggal bersama-sama dengan individu lain yang berlainan ciri-ciri latar belakang dan perbezaan sosial yang lain (Weldon, 2003, p.9 & Walzer dalam Weldon 2003, p.3). Kesanggupan ini tidak semestinya dilalui oleh individu tersebut dalam kehidupan sehariannya, sebaliknya cenderung kepada gambaran keinginan atau kesanggupan

untuk menjalinkan hubungan dengan individu yang berbeza latar belakang dengannya (Saidatul Nornis & Budi Anto, 2011, p. 132).

Toleransi etnik boleh diukur berdasarkan tahap penerimaan individu terhadap individu lain dalam pelbagai bentuk hubungan. Menurut Borgadus (1925), hubungan boleh diukur berdasarkan tahap keintiman dengan memperkenalkan tujuh label keintiman untuk menjelaskan jarak sosial antara individu atau masyarakat. Skala jarak sosial Borgadus mempunyai tujuh tahap, merangkumi penerimaan bermula pada tahap yang paling rendah iaitu tahap (7) langsung tidak menerima kehadiran mereka ke negara ini, (6) menerima sebagai pelawat dari negara luar, (5) menerima sebagai penduduk di negara ini, (4) menerima sebagai rakan sekerja, (3) menerima sebagai jiran, (2) menerima sebagai rakan dan tahap tertinggi (1) menerima sebagai keluarga/perkahwinan (Budi Anto Mohd Tamring, 2008, p. 36). Justeru, jika dilihat dalam konteks skala jarak sosial Borgadus 1925, maka amalan *mikorot* ini dilihat sebagai satu indikator yang menunjukkan tahap toleransi etnik dalam masyarakat Dusun adalah tinggi kerana berada pada tahap satu iaitu penerimaan sebagai keluarga.

Mikorot adalah perkataan yang berasal daripada bahasa Dusun yang bermula dengan kata akar *korot*. Berikut adalah definisi yang telah diberikan oleh beberapa orang responden tentang *mikorot* dari segi makna dan konsep.

Mikorot berasal dari perkataan *korot* yang bermaksud kerat... *mikorot* membawa maksud mengerat jari untuk tujuan mendapatkan darah dan darah yang menitis akan dicampurkan dalam air kelapa untuk diminum (temu bual bersama Florence Munsing, Kg. Tenghilan, 19 Ogos 2016).

Korot membawa maksud rapat dan *mikorot* bermaksud merapatkan. *Mikorot* adalah upacara menjalinkan hubungan persaudaraan yang merujuk kepada hubungan adik-beradik. *Mikorot* ini dilaksanakan antara individu yang tidak mempunyai kaitan hubungan darah atau kekeluargaan. *Mikorot* boleh dilakukan walaupun berbeza etnik dan agama. Tujuan *mikorot* ini dilaksanakan adalah untuk merapatkan hubungan (temu bual bersama James Joseph, SK Tamparuli, 25 November 2016).

Francis Lamun (2016) pula menjelaskan konsep *mikorot* sebagai konsep yang membawa maksud bermakan darah.

Mikorot bermaksud bermakan darah. Berlaku disebabkan orang dulu-dulu tidak menetap tetap...berhijrah dari satu kawasan ke satu kawasan. Tinggal dalam kawasan yang sama dan jauh dari keluarga akhirnya sefahaman yang begitu kuat perkawanan itu...datang rasa orang ini bagus dan bolehkan saya jadikan satu keluarga. *Korot* bermaksud mengeluarkan darah atau kerat atau cucuk dengan jarum untuk mengeluarkan darah (temu bual bersama Francis Lamun, Giant Inanam, 12 November 2016).

Secara umumnya, Francis Lamun menjelaskan *korot* bermaksud mengeluarkan darah. *Mikorot* ini berlaku disebabkan masyarakat Dusun pada suatu masa dahulu sering kali berpindah-randah atau tidak menetap tetap di sesuatu kawasan. Mereka berhijrah dari satu kawasan ke satu kawasan lain. Penghijrahan mereka ini menyebabkan mereka tinggal berjauhan dengan keluarga. Apabila sering berhijrah atau berpindah dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain, maka mereka akan mengenal orang baharu dan menjalinkan hubungan di peringkat harian kerana perkongsian tempat tinggal atau persekitaran yang sama. Hubungan harian yang terjalin boleh jadi akan menjadi rapat dan akrab. Oleh hal yang demikian, apabila hubungan mereka semakin rapat, maka muncul perasaan untuk menjalinkan hubungan bersifat kekeluargaan. Selain daripada perkahwinan, hubungan kekeluargaan juga boleh dibentuk melalui upacara *mikorot*. Oleh sebab itulah *mikorot* berlaku dalam masyarakat Dusun.

Terdapat juga pendapat lain mengatakan bahawa asal usul *mikorot* ini dikatakan bermula apabila dua orang sahabat yang tiada pertalian darah atau kekeluargaan mempunyai hubungan yang terlalu rapat dan sukar untuk berpisah. Akibat daripada situasi demikianlah, maka timbul amalan *mikorot* ini untuk menjadikan mereka saudara atau hubungan mereka menjadi lebih rapat dengan cara meminum darah mereka yang telah dicampurkan (temu bual bersama Percy Johnny dan Florence Munsing, Kg. Tenghilan, 19 Ogos 2016).

Berdasarkan penjelasan daripada beberapa orang informan tentang konsep *mikorot* di atas, maka secara umumnya dapat difahami bahawa *mikorot* adalah satu perbuatan yang dilakukan oleh dua atau lebih individu yang tidak mempunyai hubungan ikatan darah atau kekeluargaan. Mereka mempunyai hubungan yang amat rapat sehinggakan mereka melakukan ritual untuk membolehkan mereka memiliki hubungan seperti keluarga dalam kehidupan harian dan seterusnya generasi mereka.

Ritual *mikorot* yang dilakukan akan mengesahkan hubungan antara individu yang terlibat sebagai hubungan adik-beradik. Oleh hal yang demikian, anak sesama anak pasangan *mikorot* tidak dibenarkan berkahwin sehingga generasi ketiga (temu bual bersama Florence Munsing, Kg. Tenghilan, 19 Ogos 2016). *Sogit* akan dikenakan kepada generasi pasangan *korot* sekiranya melanggar adat (temu bual bersama Francis Lamun, Giant Inanam, 12 November 2016). *Sogit* yang dikenakan adalah sama seperti *sogit* yang dikenakan kepada pasangan sepupu yang berkahwin mengikut adat kekeluargaan dalam masyarakat Dusun.

Secara spesifiknya, hubungan antara dua atau lebih individu yang terlibat dalam *mikorot* secara rasminya adalah sama seperti hubungan nasab iaitu hubungan kekeluargaan yang diharamkan berkahwin. Hubungan sebagai nasab ini juga sama seperti hubungan adik-beradik seibu sebapa yang juga akan diwarisi kepada generasi seterusnya. Bermakna dalam konteks kebudayaan masyarakat Dusun, anak kepada dua atau lebih individu yang melakukan *mikorot* mempunyai hubungan sama seperti hubungan sepupu.

PELAKSANAAN MIKOROT: RITUAL DAN AMALAN

Pelaksanaan ritual atau amalan *mikorot* akan dijelaskan berdasarkan tiga tahap. Tahap yang pertama adalah sebelum upacara *mikorot* dilaksanakan, yakni lebih kepada tahap persediaan. Tahap kedua pula adalah semasa ritual dilaksanakan dan tahap ketiga adalah amalan selepas ritual *mikorot* dilaksanakan.

Tahap Pertama: Syarat-syarat dan Persediaan Sebelum *Mikorot*

Sebelum upacara *mikorot* dilaksanakan, beberapa syarat perlu dipenuhi terlebih dahulu oleh pasangan yang akan melakukan *mikorot*. Berikut adalah syarat-syarat awal dan persediaan yang dijelaskan oleh James Joseph ketika beliau dan pasangannya ingin melakukan *mikorot*.

- i. Persetujuan bersama antara individu yang ingin bermikorot.
Sesiapa pun boleh bermikorot tetapi dengan syarat telah mencapai tahap umur yang matang. Kanak-kanak adalah dilarang melakukan *mikorot*. Bilangan yang terlibat sekurang-kurangnya adalah dua orang tetapi boleh lebih daripada jumlah tersebut. Boleh dilakukan secara beramai-ramai.
- ii. Persetujuan ahli keluarga.
Keluarga kesemua individu yang akan terlibat dalam *mikorot* perlu diberitahu dan maklum berkenaan pelaksanaan ritual *mikorot*.
- iii. Ketua Kampung perlu dimaklumkan.
Ketua kampung perlu dimaklumkan kerana ketua kampung adalah ketua adat dalam kebanyakan masyarakat dan ritual *mikorot* juga akan dilaksanakan oleh ketua kampung.
- iv. Menyediakan daging korban untuk jamuan.
Kerbau atau binatang lain boleh dijadikan korban bergantung persetujuan bersama individu yang akan bermikorot.
- iv. Menjemput orang kampung setelah tempat dan masa *mikorot* ditentukan.

Kebiasaannya orang kampung akan datang beramai-ramai apabila mendapat tahu. Jemputan juga biasanya dibuat secara lisan dari rumah ke rumah atau dari mulut ke mulut.

Syarat-syarat dan persediaan ketika hari *mikorot* dilaksanakan pula adalah seperti berikut;

- i. Menyediakan alat untuk upacara *mikorot*
 - a. Pisau atau jarum



Foto1 Contoh peralatan pisau atau jarum untuk mengeluarkan darah yang boleh digunakan untuk ritual *mikorot*

- b. Kelapa muda sekiranya menggunakan air kelapa atau gelas sekiranya menggunakan air masak



Foto 2 Contoh buah kelapa atau air minum dalam gelas yang disediakan untuk upacara *mikorot*

- ii. Surat perjanjian (disediakan oleh ketua kampung)
- iii. Korban binatang dan sediakan jamuan.

Bahan yang digunakan oleh James Joseph dan pasangannya ketika melakukan *mikorot* adalah jarum dan air masak yang diletakkan di dalam gelas. Penggunaan gelas dan air masak ini menunjukkan ritual *mikorot* yang dilaksanakan oleh informan James Joseph serba sedikit telah melalui proses perubahan. Hal ini disebabkan masyarakat Dusun pada masa dahulu menggunakan kelapa sebagai syarat penting untuk digunakan sebagai tempat mencampurkan darah antara individu yang melakukan ritual *mikorot*.

Kebiasaannya dalam melakukan *mikorot*, perkara utama yang perlu disediakan ialah kelapa. Kenapa kelapa? Francis Lamun iaitu salah seorang informan dalam kajian ini tidak dapat memberikan jawapan mengapa masyarakat dahulu menggunakan kelapa untuk melakukan *mikorot*. Beliau juga pernah melakukan *mikorot* tetapi *mikorot* tersebut lebih kepada hubungan persaudaraan sesama ahli seperguruan ilmu silat yang tidak melibatkan perjanjian sebagai adik-beradik atau menjadi keluarga dan berbeza dengan *mikorot* yang dilakukan untuk menjalinkan hubungan kekeluargaan. Persoalan mengapa kelapa dipilih adalah persoalan yang perlu dijelaskan kerana ia menjadi kebiasaan digunakan oleh generasi terdahulu.

Peranan kelapa dalam masyarakat sebenarnya agak banyak malah disebabkan kelapa ini tumbuh subur di Sabah, maka kelapa adalah tumbuhan yang senang dijadikan sebagai tanaman untuk sumber makanan selain buahnya juga senang diperoleh tanpa mengikut musim. Kelapa bukan sahaja popular di Sabah tetapi merupakan tumbuhan yang amat popular dalam masyarakat di Malaysia mahupun negara-negara lain. Kelapa mempunyai banyak kegunaan yang bukan hanya tertumpu sebagai sumber minuman dan makanan tetapi pokok kelapa juga amat berguna dan mempunyai pelbagai fungsi dalam masyarakat. Daun kelapa boleh digunakan untuk membuat penyapu lidi, batang kelapa boleh dijadikan titi malah boleh dibuat tiang untuk rumah dan pondok.

Selain itu, umbut kelapa yang diperoleh dari dalam batang kelapa boleh dijadikan makanan iaitu sayur untuk hidangan bersama makanan lain.

Sabut dan kulit keras buah kelapa boleh dijadikan sebagai bahan api untuk memanggang ikan dan sebagainya. Pokok kelapa juga boleh menghasilkan sejenis minuman yang memabukkan selain daripada menghasilkan air kelapa yang lazat dan gula merah. Air atau nira yang diambil dari pucuk bunga kelapa selain boleh dibuat gula merah, ia juga boleh dijadikan minuman yang memabukkan iaitu dikenali sebagai *bahar* dalam masyarakat Dusun. Minuman *bahar* ini amat popular dalam masyarakat Dusun dan peribumi di Sabah, malah ia sering kali dijadikan minuman tradisi etnik Dusun dalam mana-mana hidangan ketika mengadakan majlis-majlis tertentu. Kegunaan kelapa yang pelbagai seperti yang diterangkan di atas walau bagaimanapun bukanlah sebab utama kenapa kelapa dipilih untuk dijadikan bahan utama masyarakat Dusun dahulu untuk melaksanakan ritual *mikorot*.

Kelapa dipilih untuk digunakan dalam *mikorot* kerana air kelapa dianggap suci dan semula jadi tanpa ada unsur percampuran disebabkan air kelapa bertakung dan dilindungi di dalam buah kelapa (temu bual bersama Florence Munsing, Kg. Tenghilan, 19 Ogos 2016).

Berdasarkan pendapat tersebut, kelapa dilihat mempunyai nilai kesucian berdasarkan air yang diperoleh daripada buah tersebut. Ia merupakan faktor penting dijadikan sebagai sebab utama pemilihan buah kelapa selain buah kelapa yang lebih mudah diperolehi. Walau bagaimanapun, selain menggunakan air kelapa, masyarakat juga boleh menggunakan air lain seperti air yang telah dimasak dan disimpan di dalam gelas untuk digunakan dalam ritual *mikorot* (temu bual bersama James Joseph, SK Tamparuli, 25 November 2016) seperti yang ditunjukkan dalam contoh Foto 2.

Dari segi pemilihan penggunaan peralatan sama ada menggunakan pisau atau jarum untuk mengeluarkan darah tidaklah mempunyai nilai kebudayaan yang jelas. Umumnya, pisau atau jarum adalah benda tajam yang boleh digunakan untuk mengeluarkan darah. Boleh jadi pada masa kini pisau cukur pun boleh digunakan kerana lebih mudah digunakan berbanding pisau. Walau bagaimanapun, jarum sering kali dijadikan alat yang popular kerana lebih mudah digunakan berbanding pisau.

Syarat lain yang penting dalam ritual *mikorot* menurut James Joseph juga adalah menyediakan surat perjanjian. Surat perjanjian akan disediakan oleh ketua kampung. Oleh sebab itulah, ketua kampung perlu dimaklumkan lebih awal apabila seseorang individu di sesebuah kampung berhasrat ingin melakukan *mikorot*. Surat perjanjian ini penting untuk mengesahkan atau menjadi bukti *mikorot* telah dilakukan oleh pasangan yang terlibat. Menurut James Joseph, surat perjanjian yang ditandatangani oleh beliau semasa *bermikorot* adalah menggunakan bahasa Dusun (temu bual bersama James Joseph, SK Tamparuli, 25 November 2016).

Selain itu, korban binatang juga merupakan syarat wajib yang perlu dilakukan untuk melaksanakan ritual *mikorot* (temu bual bersama James Joseph, SK Tamparuli, 25 November 2016). Daging binatang yang telah dikorbankan akan dijadikan makanan hidangan untuk tetamu yang hadir sebelum dan selepas *mikorot* dilaksanakan. Makanan yang disediakan adalah hasil gotong-royong penduduk kampung sehari sebelum ritual *mikorot* dilaksanakan. Korban binatang adalah wajib dan mengikut persetujuan pasangan yang akan *bermikorot* untuk menentukan jenis binatang yang akan dikorbankan mengikut kemahuan dan kemampuan mereka. Persediaan ritual *mikorot* ini dilakukan secara besar-besaran kerana melibatkan penduduk kampung secara keseluruhannya. Persediaan jamuan *mikorot* ini lebih kurang mempunyai persamaan seperti persediaan untuk mengadakan majlis perkahwinan dalam masyarakat Dusun.

Tahap Kedua: Ritual Pelaksanaan *Mikorot*

Pelaksanaan atau ritual *mikorot* tidaklah rumit. Ia berlaku dengan mudah tanpa mengambil masa yang lama. Ritual pelaksanaan *mikorot* ini dijelaskan berdasarkan amalan ritual yang telah dilaksanakan mengikut pengalaman dan pengetahuan Cikgu James Joseph ketika melakukan ritual ini pada tahun 80-an. Ritual *mikorot* perlu dilakukan di tempat terbuka yang boleh dilihat oleh tetamu atau orang kampung yang hadir sebagai saksi. Upacara akan dimulakan apabila pasangan *mikorot*, ketua kampung, ibu bapa pasangan *mikorot* dan ahli keluarga terdekat telah datang dan bersedia. Ketua kampung akan memulakan ritual dengan memberikan ucapan memaklumkan orang ramai yang hadir tentang pasangan yang akan *bermikorot*. Ketua kampung

akan bertanya persetujuan pasangan, bertanya kepada ibu bapa pasangan dan bertanya kepada tetamu yang hadir sekiranya ada bantahan sebelum ritual dilaksanakan.

Peralatan yang digunakan untuk melakukan *mikorot* kebiasaannya disediakan oleh tuan rumah. Peralatan tersebut sama ada menggunakan pisau atau jarum dan sama ada air kelapa dengan menyediakan sebiji buah kelapa yang telah ditebuk ataupun air masak yang diletakkan di dalam gelas. Individu yang akan bermikorot perlu menggunakan peralatan yang sama dan tidak boleh ditukar dengan peralatan yang lain. Misalnya dalam penggunaan jarum untuk mengeluarkan darah antara individu yang bermikorot perlu menggunakan jarum yang sama. Anggota badan yang dcederakan untuk mengeluarkan darah pula tidak semestinya jari. Bahagian anggota lain juga boleh dcederakan selagi ia mengeluarkan darah.

Ketua kampung akan memulakan ritual dengan mengerat jari (keratan untuk luka kecil bagi mengeluarkan darah) menggunakan pisau atau menyucuk jari menggunakan jarum kedua-dua pasangan. Darah dari jari pasangan tersebut akan dititiskan di dalam air kelapa atau air dalam gelas. Darah yang dititiskan tidak perlu banyak, tetapi cukup sekadar beberapa titisan sahaja. Darah dari jari pasangan yang telah menitis tersebut akan digaulkan agar bercampur. Darah tersebut juga akan bercampur dengan air kelapa ataupun air masak yang digunakan.

Setelah itu, ketua kampung akan meminta pasangan tersebut untuk minum air titisan darah mereka yang telah dicampurkan dalam air yang disediakan. Penentuan giliran siapa yang akan minum terlebih dahulu tidaklah menjadi isu yang besar. Pasangan akan minum mengikut giliran yang mereka persetujui. Selepas itu, ketua kampung akan membuat pengumuman bahawa pasangan ini telah sah menjadi pasangan *korot*. Ketua kampung akan mengeluarkan surat perjanjian yang telah disediakan lebih awal dan surat tersebut akan ditandatangani oleh pasangan *korot* tersebut, ketua kampung dan tiga orang saksi. Kebiasaannya, saksi terdiri daripada ibu bapa dan rakan-rakan individu yang bermikorot. Surat perjanjian yang telah ditandatangani akan disimpan oleh setiap pasangan. Menurut James Joseph 2016, beliau telah menandatangani surat perjanjian *mikorot* yang

disediakan dalam bahasa Dusun bersama pasangannya (temu bual bersama James Joseph, SK Tamparuli, 25 November 2016).

Dalam konteks adat dan kebudayaan, surat perjanjian tersebut menunjukkan bahawa *mikorot* adalah satu amalan yang amat penting dan mempunyai nilai budaya yang tinggi dalam sistem kekeluargaan masyarakat Dusun. Surat perjanjian tersebut bukan sahaja merupakan bukti secara rasmi yang penting untuk menunjukkan pertalian *mikorot* antara individu yang terlibat tetapi boleh dijadikan rujukan untuk generasi akan datang. Surat perjanjian tersebut boleh dijadikan rujukan untuk mengesahkan hubungan pertalian keluarga generasi yang bermikorot dan boleh digunakan oleh ketua kampung sebelum membuat keputusan sekiranya melibatkan perkahwinan dan pelanggaran adat antara keluarga yang telah bermikorot. Walaupun surat perjanjian ini dilihat sebagai bukti penting, tetapi sesetengah masyarakat dahulu ada juga yang lebih selesa hanya berpegang kepada janji atau persetujuan lisan sahaja. Berkemungkinan ia dipengaruhi oleh budaya masyarakat dahulu yang kurang pengetahuan tentang menulis, selain budaya masyarakat yang kebiasaannya melakukan perjanjian secara lisan sahaja. Menurut Francis Lamun (2016), tiada dokumen yang ditandatangani secara formal semasa *mikorot* dilakukan, sebaliknya hanya berdasarkan persetujuan hati ke hati antara pasangan yang bermikorot.

Justeru, kedudukan ketua kampung dalam melaksanakan ritual *mikorot* adalah amat penting, bukan hanya untuk melaksanakannya tetapi juga untuk mengesahkan atau sebagai saksi dalam upacara tersebut. Peranan ketua kampung dilihat amat penting sudah tentunya disebabkan oleh kedudukan ketua kampung sebagai ketua adat dalam masyarakat. Dengan erti kata lain, ketua kampung adalah pakar rujuk berkaitan adat dan bertindak sebagai ketua dalam sesuatu masyarakat.

Proses *mikorot* ini dilakukan di antara dua orang individu yang telah bersetuju ingin melakukan ritual tersebut dan juga perlu melibatkan saksi. Individu yang menjadi saksi disyaratkan adalah daripada ahli keluarga kedua-dua belah pihak dan ketua kampung perlu ada ketika ritual *mikorot* dilakukan. Sekiranya ketua kampung tidak dapat hadir maka ritual *mikorot* tidak digalakkan untuk dilaksanakan (temu bual bersama Percy Johnny Kg. Tenghilan, 19 Ogos 2016).

Tahap Ketiga: Amalan Selepas Pelaksanaan *Mikorot*

Selepas ritual *mikorot* selesai, amalan yang menjadi kebiasaan adalah individu yang terlibat dengan *mikorot* akan mendapat gelaran atau panggilan baharu. Panggilan dan gelaran baharu ini digunakan untuk mengaitkan antara dua atau lebih individu yang telah bermikorot.

Penduduk kampung akan menggunakan gelaran atau panggilan untuk memperkenalkan individu yang telah bermikorot dengan istilah atau perkataan 'korot si', diikuti dengan nama pasangan *mikorot* (temu bual bersama James Joseph, SK Tamparuli, 25 November 2016). Contohnya seperti dalam ayat di bawah;

*Si Nelson tu adalah korot Si Budi
ataupun
korot Si Budi pula tu Si Nelson*

Gelaran *korot* ini juga akan digunakan oleh pasangan yang telah bermikorot apabila memperkenalkan pasangan *korot* mereka kepada orang lain. Selain itu, dalam situasi yang lain, gelaran *korot* juga digunakan oleh individu yang telah bermikorot untuk memberitahu hubungan mereka kepada orang lain sebagai pasangan *korot*. Istilah biasa yang digunakan adalah 'korot saya' (temu bual bersama James Joseph, SK Tamparuli, 25 November 2016). Contohnya seperti dalam penggunaan ayat di bawah;

*Perkenalkan ini adalah korot saya
atau
perkenalkan ini Si Nelson, Si Nelson ni korot saya
atau
kamu kenalkah Si Budi? Si Budi tu korot saya*

Dari aspek yang lain pula, amalan yang menjadi kebiasaan selepas ritual *mikorot* selesai dilaksanakan atau pasangan *korot* telah disahkan secara rasmi melalui ritual tersebut adalah bermalam atau tidur di rumah pasangan *korot*.

Setelah upacara *mikorot* selesai, individu yang terlibat wajib tidur di rumah pasangan *korot* mereka yang menjadi tuan rumah sebelum kembali ke rumah sendiri. Ahli keluarga yang hadir pada hari ritual dilaksanakan juga boleh bermalam sekiranya mahu atau dengan erti kata lain tidak diwajibkan. Hanya individu yang *bermikorot* sahaja diwajibkan. Amalan ini menunjukkan ritual *mikorot* antara mereka telah mengesahkan hubungan kekeluargaan antara sesama mereka (temu bual bersama James Joseph, SK Tamparuli, 25 November 2016).

Hubungan kekeluargaan antara kedua-dua pihak akan bermula selepas ritual *mikorot* antara mereka disempurnakan. Hubungan kekeluargaan ini diterjemahkan dalam hubungan seharian. Oleh sebab itulah pasangan yang telah *bermikorot* tidak dibenarkan berkahwin. Demikian juga anak-anak mereka. Sekiranya ada ahli sesama keluarga *korot* yang melanggar adat, maka ahli keluarga tersebut akan dikenakan denda atau *sogit* seperti yang diamalkan ketika menjatuhkan denda yang melibatkan pelanggaran adat dalam keluarga Dusun.

Dari segi amalan perwarisan harta pula, Francis Lamun (2016) menjelaskan bahawa masyarakat Dusun khususnya bagi individu yang telah *bermikorot* tidak mengamalkan pembahagian harta sesama keluarga *korot*. Walaupun hubungan bersifat kekeluargaan akan diteruskan mengikut kebiasaan dalam hubungan kekeluargaan, tetapi dari segi perwarisan harta adalah dikecualikan. Meskipun hubungan sebagai saudara telah terjalin, tetapi dari segi perwarisan harta, pasangan *korot* tidak terlibat sebagai pewaris harta dan begitu juga anak-anak mereka. Anak-anak mereka tidak boleh menuntut hak perwarisan harta daripada *korot* bapa mereka. Bermakna, pembahagian harta tidak akan diberikan kepada pasangan *korot* atau anak pasangan *korot* mereka. Perwarisan harta adalah mengikut kebiasaan dalam masyarakat iaitu harta tetap diwariskan kepada anak kandung atau adik-beradik kandung atau kepada ahli keluarga yang terhasil dari generasi perkahwinan (Temu bual bersama Francis Lamun, Giant Inanam, 12 November 2016).

IMPLIKASI DAN DILEMA AMALAN *MIKOROT* DALAM MASYARAKAT DUSUN

Mikorot dari segi positifnya akan memberikan kesan terhadap variasi keluarga walaupun tanpa melibatkan perkahwinan. Menurut James Joseph (2016), keluarga akan semakin berkembang luas dan bertambah besar disebabkan *mikorot*, akan tetapi *mikorot* juga mempunyai keburukan. Dari segi kebaikan, *mikorot* akan memudahkan seseorang individu dan ahli keluarganya apabila mempunyai *korot* dari tempat atau kampung lain. Mereka mempunyai tempat yang boleh dituju atau meminta pertolongan sekiranya ada urusan di kampung lain. Hal ini demikian kerana pasangan *korot* akan mempunyai hubungan seperti adik beradik dan demikianlah juga wujud hubungan antara anak-anak mereka seperti sepupu. Dari segi keburukan yang dilalui pula, hubungan *mikorot* ini tidak akan putus dan tidak boleh diputuskan. Dengan erti kata lain, hubungan berminum darah ini adalah hubungan sedarah yang tidak akan putus sebagaimana dalam hubungan adik-beradik (temu bual bersama James Joseph, SK Tamparuli, 25 November 2016).

Dari aspek hubungan etnik, *mikorot* dilihat sebagai satu tahap penerimaan hubungan etnik yang tertinggi kerana melibatkan kesanggupan individu untuk menerima seseorang yang berlainan etnik atau budaya, malah menerima sebagai keluarga adik-beradik walaupun berlainan agama. Perkara ini sudah tentunya menunjukkan masyarakat Sabah yang mengamalkan amalan *mikorot* ini sebagai masyarakat yang terbuka dan mempunyai toleransi yang tinggi.

Salah seorang informan kajian yang berasal dari Kota Belud iaitu Jupili Panchai mengatakan bahawa datuk beliau telah melakukan *mikorot* dengan pasangannya yang berbeza latar belakang etnik dan agama. Pasangan *mikorot* datuk beliau adalah orang Bajau dan beragama Islam. Sebaliknya, datuk beliau adalah orang Dusun dan tidak mempunyai agama atau dikenali sebagai pagan. Meskipun pertemuan hanya berlaku selepas 20 tahun antara bapa beliau dengan anak pasangan *korot* datuk beliau, tetapi hubungan mereka tetap masih rapat. Malah sebagai cucu, beliau mengatakan hubungan beliau dengan keluarga *korot* datuk beliau adalah sangat rapat sehingga kini

iaitu seperti saudara sebenar yang bukan disebabkan oleh *mikorot* (temu bual bersama Jupili Panchai, aplikasi Whatsapp, 7 September 2017).

Selain itu, aspek yang lain dari segi hubungan etnik juga dapat dilihat melalui hubungan keturunan dua individu atau lebih individu yang telah mengamalkan *mikorot* akan menjalinkan hubungan seperti keluarga yang mempunyai pertalian darah. Dalam erti kata lain, penerimaan ahli keluarga kedua-dua individu atau lebih individu yang bermikorot terhadap sesama ahli keluarga mereka yang bermikorot dianggap sebagai ahli keluarga sedarah. Penerimaan ini juga memberikan petunjuk yang tinggi dalam hubungan etnik.

Kebaikan amalan *mikorot* ini juga dilihat sebagai satu alat untuk menyatukan keluarga yang bukan hanya melalui perkahwinan tetapi juga boleh dibuat melalui ritual adat. Hal ini demikian kerana seseorang individu boleh bermikorot dengan pasangannya tanpa mengambil kira perbezaan jantina. Jika dilihat dari segi perkahwinan khususnya dalam konteks masyarakat di Malaysia, tahap hubungan etnik yang tertinggi dari segi penerimaan individu dengan individu lain hanya melibatkan perkahwinan antara individu yang berbeza jantina.

Berlainan dengan *mikorot*, hubungan kekeluargaan boleh dijalinkan tanpa melihat perbezaan jantina. Amalan *mikorot* boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja. Bermakna, hubungan *mikorot* boleh dilakukan oleh pasangan yang berlainan jantina seperti dalam perkahwinan dan boleh juga dilaksanakan oleh pasangan yang sama jantina. Secara spesifiknya bermikorot dibolehkan antara lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan dan perempuan dengan lelaki. Walaupun begitu, terdapat pendapat lain yang mengatakan bahawa amalan *mikorot* antara dua jantina yang berbeza tidak digalakkan kerana boleh membawa implikasi lain dalam konteks perhubungan antara pasangan yang bermikorot. Walaupun begitu, sekiranya berlaku juga *mikorot* antara lelaki dan perempuan, ia tetap diterima dalam masyarakat.

Perkara tersebut membawa kepada masalah yang timbul kenapa *mikorot* ini berhadapan dengan cabaran untuk diteruskan atau dilakukan

oleh generasi semasa atau akan datang. *Mikorot* pada masa kini agak kurang popular diamalkan oleh generasi muda. Kenapa? Hal ini berlaku disebabkan oleh penekanan terhadap amalan *mikorot* ini tidak lagi begitu ditekankan dalam keluarga. Malah, masyarakat sekarang tidak begitu mewar-warkan amalan *mikorot* ini kepada generasi muda sebagai satu amalan dalam masyarakat Dusun. Sudah tentunya generasi muda pada masa kini mempunyai pengetahuan yang kurang, malah ada individu yang langsung tidak mengetahui amalan *mikorot* ini walaupun mereka adalah masyarakat keturunan etnik Dusun.

Antara sebab yang menyebabkan *mikorot* ini tidak begitu popular pada masa kini ialah berkaitan kesan *mikorot* yang tidak membenarkan perkahwinan. Individu yang bermikorot tidak dibenarkan berkahwin dan ahli keluarga mereka juga perlu mengambil kira adat dan peraturan mengikut amalan kekeluargaan sebelum berkahwin. Misalnya dari segi pangkat kekeluargaan seperti pak cik, mak cik, sepupu adik-beradik akan mempunyai nilai yang sama dengan ahli keluarga mereka yang telah bermikorot. Perkara ini menyebabkan mereka juga perlu melalui amalan adat kekeluargaan Dusun seperti *sogit* sekiranya melanggar adat. *Mikorot* ini bertujuan untuk menjalinkan hubungan dengan individu yang tiada hubungan kekeluargaan menjadi keluarga. Jadi, apabila hubungan semakin rapat antara pasangan *mikorot*, maka ada kemungkinan perkahwinan akan boleh berlaku. Tetapi dalam *mikorot* ia tidak dibenarkan dan ia dianggap sebagai melanggar adat. Apabila pasangan *mikorot* berkahwin, ia akan dianggap sebagai sesuatu yang memalukan dan sepatutnya tidak berlaku. Atas sebab demikianlah, maka individu yang ingin bermikorot dengan individu yang berbeza jantina tidak digalakkan.

Kes pasangan berkahwin setelah melakukan *mikorot* pernah berlaku di kawasan kajian sebelum ini. Terdapat pasangan di Kampung Tenghilan sebelum ini yang telah bermikorot tetapi berkahwin selepas tu. Hal ini memberikan kesan yang negatif kepada budaya masyarakat. Walaupun perkahwinan pasangan *mikorot* tersebut masih diteruskan tetapi pasangan tersebut perlu membuka atau membatalkan *korot*. Membuka *korot* bermaksud, membatalkan perjanjian *mikorot*. Pasangan yang ingin

membatalkan perjanjian *mikorot* antara mereka perlu membuat korban binatang sama seperti mana ketika mereka melakukan perjanjian *mikorot*. Sekiranya pasangan tersebut melakukan *mikorot* dengan menyembelih korban kerbau seekor bermakna untuk membatalkan *mikorot* tersebut, mereka juga perlu menyembelih seekor kerbau (temu bual bersama Francis Lamun, Giant Inanam, 12 November 2016).

Selain itu, terdapat juga kes lain iaitu anak kepada pasangan *korot* telah didenda seekor babi kerana berkahwin. Kes ini dikatakan melanggar adat sebagaimana pasangan sepupu sekali berkahwin. Pasangan tersebut telah berkahwin kerana dikatakan tidak mengenali ahli keluarga *korot* bapa mereka. Walaupun perkahwinan mereka diteruskan tetapi mereka perlu melaksanakan *sogit* sebagai denda pelanggaran adat (temu bual bersama Francis Lamun, Giant Inanam, 12 November 2016).

RUMUSAN

Amalan *mikorot* merupakan satu amalan yang unik dan mempunyai nilai budaya yang tinggi dalam masyarakat Dusun mahupun masyarakat peribumi yang lain di Sabah. Amalan ini yang telah lama menjadi budaya dalam masyarakat Dusun dan beberapa etnik peribumi yang lain di Sabah telah memberikan petunjuk bahawa masyarakat Dusun di Sabah secara khususnya dan masyarakat Sabah secara umumnya mempunyai tahap toleransi atau keterbukaan yang tinggi dalam menjalinkan hubungan walaupun berbeza etnik mahupun agama. Tidak hairanlah kebanyakan hasil kajian beberapa sarjana tentang hubungan kaum di Sabah adalah baik. Selain itu, paparan berita di akhbar mahupun dalam berita TV sering kali menjadikan Sabah sebagai contoh masyarakat Malaysia atau sebagai contoh masyarakat yang harmoni walaupun hidup dalam ruang persekitaran yang bercampur multi etnik dan agama. Walau bagaimanapun, penjelasan keadaan masyarakat di Sabah yang dikatakan harmoni boleh jadi dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan perlu difahami dalam konteks yang lebih luas dan menyeluruh. Sudah tentunya amalan *mikorot* merupakan salah satu faktor penyebab yang boleh menjelaskan mengapa sikap keterbukaan masyarakat di Sabah adalah tinggi.

RUJUKAN

- Abdul Naddin dalam abdnaddin.blogspot.my. 21 Januari 2012. Catatan Ringkas Mengenai Mikorot Satu Pandangan Peribadi. Atas talian <http://abdnaddin.blogspot.my/2012/01/catatan-ringkas-mengenai-mikorot-satu.html?m=1>
- Alex, Inkeles. (1982). *Apa itu sosiologi* (terj. Cheu Hock Tong). *Satu pengenalan mengenai disiplin dan profesion*. Kuala Lumpur. Syarikat Sinar Harapan.
- anjunglarik.blogspot.my. De Kerinchi Tenghilan Ketika Dahulu. Atas talian <https://anjunglarik.blogspot.my/2008/06/tenghilan-ketika-dahulu-sabah-siri-3.html>
- Blood Brother. Atas Talian https://ipfs.io/ipfs/QmXoypizjW3WknFiJnKLwHCnL72vedxjQkDDP1mXWo6uco/wiki/Blood_brother.html
- Budi Anto Mohd Tamring, (2008). Pengaruh agama dalam interaksi dan toleransi etnik: Kajian kes ke atas pelajar bumiputera Sabah di Universiti Malaysia Sabah. Tesis Sarjana. Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah.
- Frans Thomas. (2010). Wacana tradisi Pela dalam masyarakat Ambon. Bahasa dan seni, Tahun 38, Nomor 2, Agustus 2010. Atas talian <http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2012/01/4-Frans-Thomas.pdf>
- Margeret, L. Andersen & Howard, F. Taylor. (2004). *Sociology understanding a diverse society (3rd ed.)*. Canada: Thomson Learning Inc.
- Nicola, Frost. (2004). Adat di Maluku: Nilai baru atau eksklusivisme lama? *Antropologi Indoneisa* 74, 2004. Atas talian <http://journal.ui.ac.id/index.php/jai/article/download/3506/2782>
- Weldon, S. (2003). Images of nationhood and tolerance of ethnic minorities: A comparative analysis of Western Europe. Centre for Study of Democracy paper 0309. Atas talian <http://repositories.cdlib.org/csd/03-09>
- Walzer. (1997). Dlm. Weldon, S. (2003). Images of nationhood and tolerance of ethnic minorities: A comparative analysis of Western Europe. Centre for Study of Democracy paper 0309. Atas talian <http://repositories.cdlib.org/csd/03-09>
- Snowball Sampling: Definition, Advantages and Disdvantages atas talian <http://www.statisticshowto.com/snowball-sampling/>

Temu bual

Florence Munsing. 48 tahun. Suri Rumah. Tenghilan. 19/8/2016

Francis Lamun. 67 tahun. Pesara Guru. Giant Inanam. 12/11/2016

James Joseph. 57 tahun. Guru Besar. SK Pekan Tamparuli. 25/11/2016

Jupili Panchai. 40 tahun. Aplikasi Telefon Bimbit. 7/9/2017

Percy Johnny. 52 tahun. Guru SMK Tenghilan. Kampung Tenghilan. 19/08/2016

LAMPIRAN



Gambar 1 Florence Musing dan Percy Johnny
Responden kajian



Gambar 2 Cikgu Francis Lamun
Pernah bermikorot untuk sesama ahli
persilatan (berbeza dengan *mikorot*
untuk jadi keluarga)



Gambar 3 Cikgu James Joseph -
Guru Besar SK Pekan Tamparuli
Pernah bermikorot
pada tahun 80-an